

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah terdapat empangan bekalan air yang dijangka tidak dapat menampung keperluan dalam masa terdekat ini kesan daripada pembangunan dan penambahan penduduk setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Saya ingin memaklumkan bahawa 84% bekalan air minum di Malaysia bergantung kepada sumber air permukaan seperti sungai, 14.6% daripada empangan dan hanya 1.5% daripada air bawah tanah. Dalam keadaan ini, sudah pasti pertumbuhan pesat ekonomi dan penduduk akibat faktor urbanisasi dan migrasi bandar memberi kesan kepada kemampuan sumber air memenuhi permintaan bekalan air terawat pada masa depan.
2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mencadangkan rizab margin bekalan air bagi semua negeri adalah sebanyak 10 hingga 15% sebagai faktor keselamatan atau penampungan yang membolehkan kapasiti bekalan air berdaya tahan (*resilience*) dengan mengambil kira faktor-faktor termasuk ketidak-tentuan permintaan akibat daripada perubahan cuaca panas.
3. Fenomena cuaca panas dan kering yang sedang melanda negara menyebabkan paras air mentah di 10 buah empangan di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Sabah berada pada paras kritikal. Sebagai akibatnya, ia mengakibatkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan-kawasan terbabit akibat penurunan pengeluaran bekalan air dari beberapa loji rawatan air. Catuan bekalan air telah diaktifkan di Daerah Mersing dan Kota Tinggi di Johor pada 18 April 2016 akibat daripada pengurangan pengeluaran air terawat dari loji rawatan air Sungai Mersing, Sungai Gembut dan Lok Heng di Pantai Timur Johor.

4. Antara langkah mitigasi yang diambil Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air melalui SPAN termasuk pelaksanaan cadangan projek-projek pembinaan loji dan sistem pengagihan bekalan air di negeri-negeri yang terbabit bagi menampung unjuran permintaan yang meningkat kesan daripada pembangunan ekonomi dan pertambahan penduduk.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 19 MEI 2016
[KHAMIS]
DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]

SOALAN :-

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah garis panduan dan dasar yang ditetapkan oleh Kementerian terhadap peruntukan yang disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kerja penyelenggaraan kemudahan asas seperti kebersihan longkang, memotong rumput dan menaik taraf jalan serta lampu berbanding dengan peruntukan mengindahkan lanskap setempat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi perhatian untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik untuk memberi keselesaan kepada penduduk setempat. Secara prinsipnya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan peruntukan berdasarkan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta-Akta tertentu seperti Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan) 1981, (Akta 245).

Peruntukan yang disalurkan oleh KPKT bagi tujuan penyelenggaraan dan penaikan taraf jalan serta lampu dan pembersihan longkang, disalurkan melalui program khusus iaitu:

a) Projek Pembangunan BP1

Skop projek pembangunan BP1 di kawasan PBT adalah seperti berikut:-

- i. Projek-projek infrastruktur;**
Peruntukan bagi membina dan menaik taraf jalan, parit/ longkang, lorong belakang, laluan pejalan kaki serta lampu-lampu jalan/ simpang dan lain-lain.

- ii. Projek-projek kemudahan awam; dan**
Peruntukan bagi membina dan menaik taraf dewan serbaguna, dewan orang ramai, balai raya, gelanggang sukan, stesen bas dan teksi, tandas awam dan perhentian bas dan lain-lain.

iii. Projek sosio-ekonomi

Peruntukan bagi membina dan menaik taraf arked/bazaar, medan selera, tapak pasar tani, pasar dan kompleks perniagaan dan lain-lain.

b) Sumbangan Membantu Kadar (SMK)

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) adalah sumbangan bagi membantu kadar di bawah Artikel 156 Perlembagaan Persekutuan mengenai kawasan-kawasan Penguasa Tempatan dan yang diduduki oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan. Selain itu, SMK juga boleh digunakan untuk bayaran perkhidmatan perbandaran termasuklah kutipan sampah, kerja penyelenggaraan kemudahan asas seperti kebersihan longkang, memotong rumput dan menaik taraf jalan serta lampu.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016